

13/09/2003

Penerbitan sekuriti Islam dapat layanan cukai menyeluruh

KERAJAAN akan memberikan layanan cukai yang lebih menyeluruh kepada penerbitan sekuriti Islam, sebagai langkah mengembangkan sistem kewangan Islam di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata di samping itu galakan potongan cukai akan turut diberikan bagi perbelanjaan terbitan sekuriti Islam menggunakan prinsip Istisna' untuk tempoh lima tahun, yang mana aset hartanah dalam pembinaan boleh dijadikan sandaran.

Beliau berkata, kerajaan juga akan memberikan rebat cukai yang bersamaan dengan jumlah zakat dibayar kepada syarikat luar pesisir Labuan.

Ia tertakluk kepada had maksimum RM20,000 atau tiga peratus daripada keuntungan bersih syarikat, katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah itu bertujuan menggalakkan syarikat dan institusi kewangan yang mematuhi prinsip Syariah melabur di Labuan.

"Sejak memperkenalkan sistem perbankan Islam pada 1983, Malaysia kini muncul sebagai satu-satunya negara yang mempunyai sistem kewangan Islam yang menyeluruh.

"Bermula dengan hanya sebuah Bank Islam, sistem perbankan Islam negara sudah beroperasi dengan dua Bank Islam dan 33 bank biasa yang menawarkan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah," katanya.

Perdana Menteri berkata, pencapaian sistem kewangan Islam Malaysia turut mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa,

Malaysia, katanya adalah negara terulung di dunia yang menerbitkan bon global Islam Sukuk Al-Ijarah bernilai AS\$600 juta.

Katanya, terbitan sukuk itu menerima langganan sebanyak dua kali ganda daripada pelabur.

"Satu lagi pencapaian ketara ialah penubuhan Majlis Lembaga Perkhidmatan Islam (IFSB) di Kuala Lumpur untuk memastikan kestabilan dan kekukuhan industri kewangan Islam global.

"Dengan pencapaian ini, Malaysia kini menjadi model dalam perkembangan sistem kewangan Islam, terutamanya di kalangan negara Islam di dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkembangan sistem perbankan Islam turut menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat sistem kewangan Islam yang merangkumi perbankan, insuran dan pasaran modal.

Aset keseluruhan sistem perbankan Islam juga meningkat hampir empat kali ganda kepada RM68 bilion tahun lalu berbanding RM17.9 bilion pada 1997.

Beliau berkata, industri takaful muncul sebagai satu lagi industri kewangan Islam yang berkembang pesat sejak diperkenalkan pada 1986, dengan jumlah aset meningkat daripada RM200 juta kepada RM4 bilion pada tahun ini.

Sekuriti Hutang Swasta (PDS) Islam turut mendapat sambutan menggalakkan dengan nilai terbitan RM34 bilion sejak 2001.

"Nilai aset bersih saham amanah Islam juga meningkat lebih dua kali ganda kepada RM4.3 bilion," katanya.